

CNS9990

U GB 18-06 00195 BA985

aab

Mahathir - MCA

RAKYAT MALAYSIA MESTI TERUS SOKONG KERAJAAN BN, KATA PM
(Dengan gambar)

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Rakyat Malaysia hendaklah terus memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana ia terbukti dapat memenuhi kehendak dan aspirasi semua kaum di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kerajaan BN sentiasa bersikap adil kepada semua kaum dan menutamakan kepentingan rakyat serta negara dan hasilnya ialah Malaysia aman dan makmur tanpa berlaku rusuhan kaum, katanya ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan MCA di Wisma MCA di sini.

Kerajaan BN juga bersikap sederhana dan sentiasa menentang sebarang bentuk sikap keterlaluan kerana ia akan membawa ketidakstabilan dan rusuhan dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Bagaimanapun, ada pihak tertentu yang kurang senang dengan kejayaan yang dicapai dan memburuk-burukkan Malaysia, kononnya tiada demokrasi dan keadilan serta tidak menghormati hak-hak asasi manusia.

"Yang lebih mengecewakan ialah ada ahli-ahli parti politik pembangkang di Malaysia yang terpengaruh atau turut sama dengan usaha memburuk-burukkan Malaysia. Mereka turut memberikan maklumat yang tidak betul," kata Dr Mahathir yang juga Pengetusi BN. -- Lagi.

▼18/06/11-07MST

U GB 18-06 00165 BA986

aab

Mahathir - MCA 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar ada individu tertentu dan ahli-ahli politik parti pembangkang yang turut memburuk-burukkan Malaysia melalui temuramah dengan media asing dan menuduh bahawa mereka tidak ada kebebasan bersuara di Malaysia.

Perbuatan begitu sebenarnya mengkhianati negara sendiri dan hakikat bahawa mereka dapat menyuarakan pendapat mereka dengan sendirinya mendedahkan pembongkaran mereka itu, katanya sambil melahirkan rasa kecewa dengan tindakan itu.

"Inilah bezanya antara anggota-anggota BN dengan parti-parti lawan. Kita bersikap bertanggunjawab memelihara prestasi negara kita... sebaliknya, parti-parti lawan tidak mempunyai apa-apa program untuk kebaikan negara," kata Perdana Menteri.

Ada yang sanggup memfitnah negara sendiri, kononnya dengan menghantar tentera untuk berkhidmat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina, Malaysia menolong puak Serb, katanya.

Mengeuai "demam" pilihan raya umum yang telah bermula, Dr Mahathir berkata tarikhnya belum diputuskan tetapi ramai merasakan "demam" itu berpunca daripada parti-parti lawan yang risau sebab mereka tidak ada isu yang hendak dimainkan. -- Lagi.

▼18/06/11-08MST

U GB 18-06 00153 BA987

aab

Mahathir - MCA 3 Kuala Lumpur

Ada parti yang terdesak sehingga mengququurkan dasar liberal mereka dan cuba mendapatkan sokongan orang Melayu dengan menukar nama dan mendakwa mereka adalah parti orang Melayu untuk orang Melayu sahaja.

Tetapi apabila berhadapan dengan kaum bukan Melayu, mereka berkata pula bahawa mereka sebuah parti yang memperjuangkan hak istimewa orang bukan Melayu.

Begitu juga ada yang mendakwa mereka memperjuangkan orang Cina tetapi menafikan apabila dicabar membuat sesuatu bagi kaum itu.

"Apakah sebenarnya yang mereka perjuangkan yang tidak diperjuangkan oleh Barisan Nasional? Jika mereka tidak ada perjuangan, adalah lebih baik mereka berdiam diri sahaja," tegas Dr Mahathir.

Beliau menasihati masyarakat Cina supaya terus memberi sokongan kepada MCA kerana parti itu dapat menjaga kepentingan kaum berkenaan dan boleh diterima oleh UMNO dan parti-parti komponen BN yang lain kerana MCA tidak keterlaluan dan tidak bersifat perkauman. -- Lagi.

♥18/06/11-08MST

CNS9996

U GB 18-06 00103 BA989

aab

Mahathir - MCA 4 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati MCA semakin hari semakin kukuh serta lebih diterima oleh masyarakat Cina. Ini petanda baik bagi BN.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Menteri Pengangkutan, dan para pemimpin lain parti itu.

Beberapa pemimpin parti komponen BN juga hadir pada majlis perasmian perhimpunan itu yang dihadiri oleh kira-kira 1,500 anggota perwakilan.

Yang turut hadir ialah bekas Presiden MCA, Tan Sri Lee San Choon. --

Bernamea

TCL CR NMO

♥18/06/11-12MST